



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 2 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM162.1 JUTA SELENGGARA JALAN PERTANIAN – KPKM, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MAT SABU: STEPS TAKEN TO ADDRESS FARMERS’ COMPLAINTS, NATION, THE STAR, M/S – 8	
3.	PETANI RUGI LEBIH RM50,000 TANAMAN MUSNAH KENA BANJIR, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 6	LAIN – LAIN
4.	GABUNG TEKNOLOGI KESAN TANDA AWAL PENYAKIT TANAMAN, MINDA PEMBACA, BERITA HARIAN, M/S – 13	
5.	2,000 POKOK ROS MUSNAH AKIBAT BANJIR, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 20	
6.	DOWNPOUR HITS VEGGIE PRICES, NATION, THE STAR, M/S – 10	
7.	DUCK FARMER FORMS BUSINESS FROM HOBBY, NATIONAL, THE SUN, M/S – 6	
8.	NELAYAN BIMBANG KE SUNGAI SUSULAN SERANGAN BUAYA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 12	
9.	PENGUSAHA IKAN SANGKAR WASPADA HADAPI TENGGUJUH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/12/2025	KOSMO	NEGARA	8

## RM162.1 juta selenggara jalan pertanian – KPKM

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperuntukkan sebanyak RM162.1 juta bagi tahun 2025 untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan serta baik pulih jalan pertanian, termasuk sistem pengairan dan saliran di kawasan jelapang dan luar jelapang di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, daripada jumlah itu, peruntukan tersebut telah disalurkan kepada agensi-agensi di bawah KPKM seperti Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bagi menguruskan kawasan dalam jelapang berjumlah RM104.7 juta.

Beliau berkata, bagi kawasan luar jelapang, peruntukan disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) sebanyak RM57.4 juta peruntukan diberikan.

“Peruntukan tersebut adalah berdasarkan skop penyelenggaraan mengikut tanggungjawab agensi masing-masing, di mana kerja-kerja penyelenggaraan parit dan tali air akan dilaksanakan oleh agensi yang bertanggungjawab terhadap kawasan berkenaan.

“KPKM amat memahami keperluan untuk membaiki dan menyelenggara jalan-jalan pertanian serta infrastruktur-

“

KPKM amat memahami keperluan untuk membaiki dan menyelenggara jalan-jalan pertanian serta infrastruktur-infrastruktur pengairan di kawasan jelapang dan luar jelapang secara berkala.”

**MOHAMAD**

infrastruktur pengairan di kawasan jelapang dan luar jelapang secara berkala,” katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Mohamad Shafizan Kepli (**GPS-Batang Lupar**) adakah pihak kementerian melalui JPS dapat menyediakan peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan tali-tali air dan parit secara berkala termasuk di kawasan yang bukan di bawah seliaan JPS.

Mohamad berkata, usaha akan terus dipergiat bagi memastikan peruntukan yang diperlukan dapat disediakan bagi memastikan semua kawasan dapat diselenggara mengikut keperluan sebenar demi meningkatkan kemudahan dan kesejahteraan para petani.

## Mat Sabu: Steps taken to address farmers' complaints

THE Agriculture and Food Security Ministry is intensifying efforts to maintain and repair agricultural roads and irrigation systems nationwide.

Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the ministry is aware of complaints from padi farmers and taking steps to address them, including introducing modern methods for cleaning canals and drains.

"In the padi sector, we acknowledge the concerns raised.

"These issues need improvement, and the ministry, together with the Muda Agricultural Development Authority (Mada), is working on adopting modern techniques, particularly for clearing canals and drains.

"Additional allocations are indeed necessary, and we will make full use of the funds available," he told the Dewan Rakyat yesterday.

The ministry has been allocated RM162.1mil for 2025 to carry out maintenance and rehabilitation of agricultural roads, as well as to



**Making progress:** Mohamad answering questions during Question Time at the Dewan Rakyat – Bernama

maintain irrigation and drainage systems in both main and outside padi areas nationwide.

Of this, RM104.7mil has been channelled to agencies under the ministry, including the Integrated Agricultural Development Areas, Mada and the Kemubu Agricultural Development Authority to manage main padi areas.

Meanwhile, RM57.4mil has been allocated to the Irrigation and Drainage Department, the Farmers' Organisation Authority and the Malaysian Pineapple Industry Board for areas outside main padi zones.

The allocations are based on the maintenance responsibilities of each agency, with works such

as cleaning canals and water channels carried out by the agency responsible for that area.

The ministry stressed that regular upkeep of agricultural roads and irrigation infrastructure is crucial to ensure all areas are properly maintained, enhancing facilities and improving welfare for farmers.

## Petani rugi lebih RM50,000 tanaman musnah kena banjir

**Marang:** Petani kerugian lebih RM30,000 selepas tanaman jagung yang diusahakan di Bukit Kor di sini, musnah ditenggelami banjir luar biasa yang melanda Khamis lalu.

Mohd Hafiz Mamat, 34, dari Kampung Alur Parit, Kuala Terengganu, berkata dia berasa sangat kecewa dan sedih apabila melihat semua 10,000 pokok jagung yang ditanam pada September lalu musnah sekelip ma-

ta ditenggelami banjir.

Dia yang sudah berbelas tahun mengusahakan kebun seluas 1.62 hektar itu berkata banjir tahun ini luar biasa kerana air naik sehingga dua meter.

"Hanya tuhan yang tahu betapa hancur dan sedihnya perasaan saya apabila melihat hasil yang sepatutnya dapat dituai 10 Disember ini musnah sekelip mata.

"Sudah berbelas tahun saya

tanam jagung di sini, belum pernah air naik sampai musnahkan tanaman. Paling tinggi pun hanya paras buku lali dan dalam tempoh sejam dua sudah kering," katanya ketika dihubungi, semalam.

Bapa kepada empat anak berusia satu hingga 12 tahun berkata, dia agak buntu apabila memikirkan nasib keluarganya terutama tiga anaknya yang bersekolah kerana rancangan

awalnya adalah untuk membeli kelengkapan sekolah dengan hasil jualan jagung, selain untuk modal pertanian.

"Setakat ini, saya ada ikut kawan kampung buat kerja-kerja bertukang, tetapi upahnya tak banyak. Hanya cukup makan ketika musim hujan," katanya.

Sementara itu, Mamat Omar, 67, yang juga petani di Bukit Kor, berkata dia kerugian ki-

ra-kira RM20,000 selepas 60,000 pokok kacang panjangnya musnah ditenggelami banjir.

"Sudah berpuluh tahun saya bertanam di sini. Tak pernah air naik hingga paras dada... sebab itu saya tak risau menanam pada musim tengkujuh.

"Saya harap kerajaan negeri dan agensi berkaitan dapat bantu kami daripada segi kewangan atau barangan untuk tanam baharu," katanya. BERNAMA

# Gabung teknologi kesan tanda awal penyakit tanaman

**Siti Noor'adzah Adam,**  
 Institut Kajian Perladangan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Dalam** dunia perladangan moden, pengesanan awal penyakit tanaman sangat diperlukan. Tanaman ladang seperti sawit, getah, lada hitam, jagung, nenas, kelapa atau durian diancam penyakit yang boleh menjerkaskan hasil, kualiti dan kelangsungan industri.

Sistem pengesanan penyakit pintar dan mampan menjadi tumpuan penyelidikan dalam usaha memperkasakan peladang dengan teknologi yang mampu mengenal pasti masalah sebelum ia menjadi kerugian.

Kaedah tradisional seperti pemerhatian visual memerlukan kepakaran khusus, manakala ujian makmal mengambil masa lebih lama sebelum keputusan diperolehi. Seiring kemajuan teknologi, pelbagai pendekatan moden mula diteroka bagi meningkatkan kecekapan dan ketepatan dalam pengesanan awal penyakit tanaman.

Penyelidikan terkini turut membabitkan penggunaan pengimejan berasaskan dron dan pemrosesan imej digital untuk mengenal pasti penyakit tanaman secara pantas dan berskala besar. Sistem ini membolehkan pemetaan kawasan berisiko tinggi dan intervensi awal tanpa perlu pemeriksaan fizikal pokok demi pokok.

Teknologi ini amat berguna dalam ladang ber-

skala besar seperti sawit dan getah yang pamar-tahuan manual adalah tidak praktikal.

Selain itu, pendekatan berasaskan internet benda (IoT) dan penderia alam sekitar juga diteroka untuk mengesan perubahan kelembapan, suhu dan aktiviti mikrobiologi berkait rapat langkitan penyakit akar dan batang.

Sensor ini boleh dipasang secara tetap di ladang dan menghantar data secara masa nyata, membolehkan peladang bertindak balas dengan lebih cepat terhadap perubahan persekitaran mencurigakan.

### Kemampuan biotik dan abiotik

Teknologi pengimejan hiperspektrum mula digunakan dalam penyelidikan kerana keupayaannya mengesan perubahan fisiologi sangat halus pada daun dan tisu tanaman. Spektrum cahaya luas membolehkan pengesanan tekanan biotik dan abiotik sebelum gejala visual muncul, menjadikannya alat berpotensi tinggi untuk pengesanan awal penyakit dalam tanaman seperti nenas, durian dan jagung.

Selepas data dikumpul melalui pelbagai teknologi ini, ia dianalisis menggunakan kaedah statistik dan pembelajaran untuk mengenal pasti corak dan anomali. Sistem berasaskan kecerdasan bua-

tan (AI) digunakan untuk mengautomasi proses pengenalpastian penyakit, membolehkan tindakan pencegahan diambil lebih cepat, tepat dan ber-sasar. Teknologi ini turut memperkasakan pelad-ang melalui akses kepada maklumat masa nyata yang menyokong keputusan ladang lebih responsif dan efisien.

Oleh itu, sistem pengesanan penyakit pintar dan mampan membolehkan peladang mengenal pasti tanda awal penyakit dan mengambil tindakan se-gera, sekali gus meminimumkan penggunaan ra-cun dan rawatan, menjimatkan kos dan melin-dungi alam sekitar.

Ia juga membantu peladang membuat keputusan lebih tepat mengenai pembajaan, pengairan dan pengasingan pokok berpenyakit. Justeru, tanaman sihat dapat menghasilkan buah lebih berkualiti dengan kuantiti lebih tinggi.

Bagaimanapun, cabaran seperti kekurangan la-tihan, kos permulaan dan jurang komunikasi ma-sih wujud. Namun, dengan sokongan berterusan dan kerjasama inklusif antara penyelidik, pelad-ang, agensi berkaitan dengan pembuatan dasar, sis-tem pengesanan penyakit pintar dapat direalisa-sikan sebagai pelaburan masa depan yang men-jamin kelangsungan hasil dan kesejahteraan eko-sistem perladangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/12/2025	HARIAN METRO	LOKAL	20

## 2,000 pokok ros musnah akibat banjir

**Kuala Berang:** Seorang pengusaha tanaman pokok bunga ros alami kerugian RM150,000 apabila kira-kira 2,000 pokok ros daripada 700 spesies ditenggelami banjir.

Pemiliknya, Dr Sh Marzety Adibah Al-Sayed Mohamad, 47, dari Kampung Tanjung Aur, di sini, berkata, kejadian berlaku Khamis lalu apabila paras air naik mendadak hingga paras satu meter.

Menurutnya, selain pokok bunga ros yang ditenggelami banjir, kelengkapan lain seperti rumah hijau turut mengalami kerosakan berikutan sehari sebelum itu kawasan ini dilanda ribut.

Katanya, akar pokok bunga ros 'manja' kerana akarnya cepat rosak jika terendam terlalu lama di dalam air.

"Apabila terdedah dengan



KEADAAN kebun bunga ros milik Sh Marzety yang musnah akibat banjir.

banjir, akar cepat mereput dan pokok akan mati," katanya yang mengusahakan tanaman itu sejak beberapa tahun lalu.

"Kerja pembersihan dan

pembaikan rumah hijau selain membuang pokok bunga ros yang rosak dijangka mengambil masa beberapa hari," katanya.

Menurutnya, kejadian itu

disifatkan paling buruk pernah dialaminya dalam tempoh 10 tahun sejak dia mengusahakan ladang ros itu bersama suami, Engku Hassan Engku Wok Zin, 56.

Katanya, sebelum ini kawasan ladang yang turut menempatkan sebuah kafe dan kediaman itu selalu juga dinaiki air namun tidak seteruk apa yang berlaku Khamis lalu.

"Sebelum ini banjir yang berlaku hanya dua hingga tiga jam saja namun kali ini air naik tinggi dan bertahan dalam tempoh lama.

"Memandangkan kejadian ini agak teruk, jadi proses baik pulih dan tanam semula akan ambil masa kerana perlu mula dari awal," katanya.

# Downpour hits veggie prices

## Weather woes abroad and at home tighten supply

By MARTIN CARVALHO  
mart3@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysians may have to pay more for their greens if the monsoon season continues to bring persistent rainfall, says the Malaysian Federation of Vegetable Farmers Association.

Its president Lim Ser Kwee said recent flooding in several countries, including Thailand, Vietnam and Indonesia had begun to push up prices of vegetables.

"We import a large variety of vegetables from these three countries and the prices have increased recently due to the recent massive flooding there.

"Also affected is the supply from China due to recent cold snaps affecting harvest," he said when contacted yesterday.

On the local front, Lim said while Cameron Highlands and several parts of the country may have escaped the recent floods, cloudy skies had also affected crop yields.

"Luckily, Cameron Highlands and states such as Johor, Pahang and Melaka were not hit by heavy downpours and floods.

"But the lack of sunshine affected the growing and maturing cycles of vegetables such as sawi bunga (Chinese flowering cabbage) and tomatoes," he said.

He cited the prices of tomatoes, which have increased to over RM5 per kg as compared to RM2 and RM4 per kg previously.

It was also reported that prices of some local and imported vegetables had increased by between RM5 and RM8 per kg recently.

Lim said the situation would worsen if states such as Johor and Pahang are hit with persistent rainfall during the monsoon.

He added that the federation, which has over 6,000 members nationwide, has yet to determine the actual losses.

"We have had reports of losses but so far, our members in Penang were not too badly affected."

According to the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia), the northeast monsoon will continue until March next year, bringing five to seven episodes of heavy rain, which could cause floods in low-lying and riverine areas.

Last Thursday, MetMalaysia



**Bit of a squeeze:** A shopper picking out tomatoes in Chow Kit. The produce has been hit by recent price hikes. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

issued a warning for continuous heavy rain and strong winds over a large swathe of Peninsular Malaysia due to the development of the rare tropical storm Senyar in the Strait of Malacca.

Cameron Highlands Vegetable Farmers Organisation president Datuk Chai Kok Lim said that vegetable farms in the highlands were not affected by recent floods.

"It did not disrupt farming operations here and fortunately, the weather has been sunny over the past few days.

"We hope that it remains this way but there is a fear that the monsoon will bring heavy rain again," he said, adding that there were about 2,000 farmers in Cameron Highlands.

Meanwhile, the Agriculture and Food Security Ministry has activated its disaster operation room to assist farmers, planters, livestock owners and fishermen affected by floods in several states.

It was activated on Nov 28, following MetMalaysia's forecasts for the current monsoon season.

# Duck farmer forms business from hobby

➤ Nearly RM2 million sales recorded through production of meat, fresh and salted eggs

**SEREMBAN:** While many young Malaysians pursue careers in the digital and tech sectors, a former school administrative assistant has taken a different path, developing a duck farming venture that has become one of Negeri Sembilan's leading producers of eggs and meat.

Driven by determination and a structured marketing strategy, Azwan Zainudin has recorded sales of nearly RM2 million this year through the production of fresh eggs, salted eggs and meat supplied across the state and to Selangor.

The 35-year-old, who began with only 100 ducks in 2020, now operates a 1.15ha farm with about 1,000 Khaki Campbell layer ducks in Kampung Kayu Ara, Mambau under Azwan Farm.

"I started merely as a hobby. Before this, I operated a roadside food stall in Rasah and later a café and restaurant, but due to Covid-19, I had to close the business. That was when I began to consider a more stable path.

"I decided on duck farming after seeing the consistent demand for fresh eggs and the broad market potential, besides the relatively easy care involved. My late father also kept ducks, so I was familiar with it."

The youngest of four siblings said in the early stages, he used his own savings to purchase ducks, feed them and build the coop, while also working part-time as a personal driver to support the farm's operations.

"The first six months were the toughest as I had to wait for the ducks

to start laying eggs, and during the Covid-19 period many restaurants were not operating. I tried selling fresh eggs to basic goods traders, but demand was low."

To avoid losses, he took the initiative to turn some eggs into salted eggs using the brine-pickling method, which lasts longer and is easier to market, Bernama reported.

Azwan acknowledged that support from the state government and related agencies played a significant role in strengthening his business.

He received grants from the Negeri Sembilan Islamic Religious Affairs Department and the Negeri Sembilan Entrepreneur Fund in 2023, as well as financing from a bank.

"I also received an egg-washing machine and feed supplies from the state Veterinary Department, and they carry out annual inspections of the livestock," said Azwan, who is assisted by two part-time workers.

Aside from raising layer ducks, Azwan has been operating a duck farm for meat production in Jebebu since early this year, producing up to 3,000 ducks a month for supply to well-known restaurant chains, including in Kuala Lumpur, as well as factories, markets and the local community.

He said 30 duck eggs are sold at RM30 while duck meat is priced at RM25 for 1.5 kg, with the products also marketed through online platforms, allowing customers from various locations to place orders easily.

Azwan has earned several recognitions, including the Negeri Sembilan Halal Cottage Entrepreneur Icon 2023 and Business Expansion Award from Agrobank.

He expressed hope to expand his market nationwide and aims to develop an agro-tourism farm where visitors can experience life on a duck farm firsthand.



Azwan acknowledged that support from the state government and related agencies played a significant role in strengthening his business. — **BERNAMAPIC**

## Nelayan bimbang ke sungai susulan serangan buaya

**PASIRSALAK:** Nelayan darat di Kampung Sungai Buaya di sini dilanda kebimbangan selepas kejadian seorang lelaki cedera parah akibat diserang seekor buaya ketika menjala ikan di sungai kampung berkenaan baru-baru ini.

Serangan itu dianggap luar biasa kerana reptilia tersebut sebelum ini tidak pernah mencederakan manusia walaupun diketahui mendiami sungai berkenaan sejak sekian lama.

Ketua Kampung Sungai Buaya, Samad Din, 48, berkata, kejadian itu mencetuskan keresahan nelayan darat yang bergantung sepenuhnya kepada hasil sungai untuk menyara keluarga.

"Tidak pernah buaya menyerang manusia di sungai ini. Sudah tentu nelayan risau kerana sungai ini punca pendapatan mereka. Walaupun


bimbang, mereka tetap perlu turun menangkap ikan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Samad turut menasihatkan nelayan supaya lebih berhati-hati serta peka dengan pergerakan reptilia itu bagi mengelakkan kejadian serupa berulang.

Salah seorang nelayan, Abdul Rahim Ali, 54, mengakui insiden itu menimbulkan ketakutan dalam kalangan mereka namun rutin turun ke sungai terpaksa diteruskan demi kelangsungan hidup.

"Kami memang tahu sungai ini ada buaya, tetapi tidak pernah ada kes ia menyerang manusia.

Saya harap pihak berkuasa dapat memantau kehadiran reptilia ini supaya keselamatan nelayan terjamin. Buat pemancing jangan terlalu dekat dengan tebing," katanya.



**PENDUDUK** menunjukkan lokasi seorang pemuda diserang buaya ketika menjala ikan di Kampung Sungai Buaya, Kampung Gajah di Pasir Salak, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	NUKA SURAT
2/12/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

## Pengusaha ikan sangkar waspada hadapi tengkujuh

**TEMERLOH:** Pengusaha ikan sangkar lebih berwaspada menghadapi musim tengkujuh selepas mengalami kerugian besar lebih RM50,000 apabila beberapa sangkar musnah dan hanyut dibawa arus deras dalam kejadian banjir lalu.

Difahamkan, terdapat kira-kira 1,800 pengusaha ikan sangkar di sepanjang Sungai Pahang dari Lipis menghilir ke Jerantut, Temerloh, Maran, Bera dan Pekan berdepan cabaran hampir sama setiap kali Monsun Timur Laut melanda.

Pengusaha ikan sangkar di Kampung Pangsenam di sini, Ahmad Shukri Abdul Halim, 30, berkata, persiapan rapi dilaku-

kan sebelum bermula musim tengkujuh lagi bagi memastikan sangkar diusahakan mampu bertahan daripada ancaman arus kuat.

"Pengalaman lalu menjadi pengajaran besar yang mendorong saya mengambil langkah tambahan bagi mengelak kerugian berulang.

"Sebelum monsun bermula, saya sudah tukar tali baharu, ganti komponen yang rosak dan kuatkan semula rangka sangkar. Kalau sangkar hanyut, bukan sahaja rugi ikan malah modal struktur pun lebur," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Seorang lagi pengusaha ikan sangkar, Mohd. Sofian Husain,

60, dari Kampung Lebak di sini pula berkata, dia mengambil keputusan mengosongkan hampir semua sangkar sejak awal November lalu sebagai langkah berjaga-jaga.

Menurutnya, ketika arus deras, sangkar yang dikurangkan muatan ikan dan diikat kukuh pada tiang dan pokok di tebing sungai lebih selamat berbanding dibiarkan penuh.

"Saya akan masukkan semula benih ikan Januari ini jika keadaan cuaca kembali stabil. Sekarang ini saya lebih banyak jual ikan yang sudah cukup saiz dan pada masa sama saya ganti tali pengikat yang rosak serta periksa rangka sangkar," katanya.

Menurutnya, pengalaman banjir besar pada 2014 dan 2021 yang menyebabkan ramai pengusaha menanggung kerugian besar dijadikan pengajaran untuk lebih bersedia setiap kali Monsun Timur Laut tiba.

Mohd. Mustaffa Taharuddin, 31, dari Kampung Bangau Tanjung, Temerloh pula berkata, selain mengikat sangkar lebih hampir ke tebing, dia menangguk penambahan stok ikan baharu sejak awal November lalu.

"Sekarang fokus saya adalah selamatkan sangkar dan ikan sedia ada. Ikan yang sudah cukup saiz pasaran saya jual segera untuk kurangkan risiko keru-

gian kalau banjir besar berlaku. Modal benih baharu kita tahan dahulu," katanya yang mengusahakan ternakan patin dan tilapia.

M. Sani Hassan, 51, dari Kampung Sungai Ling yang memiliki 60 sangkar patin, tilapia dan baung pula berkata, pengusaha kini lebih peka dengan amaran cuaca dan paras air sungai yang dikeluarkan pihak berkuasa.

"Setiap kali hujan lebat berterusan, kami akan periksa sangkar, kemaskan ikatan dan pastikan semua tali tidak reput.

"Musim hujan ini kami memang sentiasa bersedia kerana arus Sungai Pahang boleh berubah dengan cepat," katanya.